

## BENTUK POSAN (PESAJI) DAN CORAK AMALAN DALAM MASYARAKAT ISLAM WETU TELU DI DUSUN RENTANG DESA GANTI LOMBOK

'Hasan Asy'ari Najmuddin & Mohd Arif Nazri  
Muhd Najib Abdul Kadir & Rasyad Afif Ibrahim  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Email: [asyari995@gmail.com](mailto:asyari995@gmail.com), [mohdarif@ukm.edu.my](mailto:mohdarif@ukm.edu.my)

*Abstrak - Tradisi Posan merupakan tradisi yang dilaksanakan ketika masyarakat Islam Wetu Telu akan menyunatkan anak lelakinya, tradisi ini masih dilaksanakan hingga sekarang ini kerana menurut pandangan masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang mengatakan bahawa merupakan proses atau masuknya fasa kedewasaan seorang anak dan salah satu syarat beragama Islam adalah seorang anak mesti bersunat. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis bentuk posan dan corak amalan dalam masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang Desa Ganti, Lombok. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif dan kaedah pengumpulan datanya menggunakan temu bual, pemerhatian, dokumentasi dan kajian perpustakaan dengan mengaplikasikan metode analisis buku atau artikel yang berkaitan dengan tajuk artikel ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa bentuk posan ini berbentuk persegi empat yang memiliki lima puluh tujuh tiang iaitu empat tiang diatas dan empat tiang dibawah, disamping empat tiang yang diatas terdapat sembilan tiang yang mengelilinginya. Kemudian ada empat puluh tiang kecil disamping empat tiang yang terdapat dibawah dan beratapkan jerami kering. Manakala corak amalan masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang ada dua iaitu corak keagamaan dan corak sosial budaya.*

**Kata kunci:** *Bentuk Posan , Corak Amalan & Lombok.*

### I. Pendahuluan

Adat atau tradisi biasanya dinamakan sebagai suatu ketentuan yang berlaku dalam masyarakat tertentu dan menjelaskan satu keseluruhan cara hidup dalam bermasyarakat (Husni Thamrin 2009). Tradisi mempunyai dua makna pertama, adat kebiasaan turun temurun yang masih dijalankan masyarakat. Kedua, penilaian atau anggapan bahawa cara-cara yang telah ada merupakan cara yang paling baik dan benar (Tim Penyusun Kamus Besar Bahasa Indonesia 1998). Oleh itu, tradisi merupakan istilah umum untuk menunjuk segala sesuatu yang hadir menyertai masa sekarang (Rumadi 2007). Pada zaman moden ini, masih banyak tradisi yang tetap dipertahankan secara turun temurun dari nenek moyang hingga ke anak cucunya pada suatu masyarakat. Demikian juga yang terjadi di Dusun Rentang, Desa Ganti, Lombok, Indonesia. Di Dusun Rentang Posan ini memiliki nilai yang sangat suci dan keramat bagi pandangan masyarakat Islam Wetu Telu yang masih mempercayainya. Tujuan dari pesaji ini ialah bentuk rasa syukur masyarakat Islam Wetu Telu kepada Allah SWT ke atas rezeki yang diberikan oleh Allah SWT dan mencari berkat dari Allah SWT dan berharap kelancaran dalam acara posan, pesaji ini biasanya dilakukan pada acara posan. Proses ini terjadi sudah sangat lama, boleh dikatakan sudah berasal daripada nenek moyang mereka yang mempercayai adanya pemikiran-pemikiran yang bersifat keagamaan dalam acara tersebut. Kegiatan ini dilaksanakan oleh masyarakat Islam Wetu Telu untuk mencapai sesuatu keinginan atau terkabulnya doa yang dihajati oleh keluarga yang membuat acara posan dan semoga Allah SWT menambahkan rezeki yang berkat, selamat di dunia dan di akhirat.

### II. Pernyataan Masalah

Kesedaran Tradisi tempatan yang disimbolkan dalam pesaji perlu dikaji dan pelajari bukannya dipersalahkan kerana itu, budaya tempatan yang ditinggal oleh nenek moyang mereka. Budaya posan ini berasal daripada proses penyebaran agama Islam di pulau Lombok. Kerana pada masa itu para pendakwah tidak secara langsung melarang masyarakat Lombok untuk melakukan upacara kepercayaan daripada Hindu dan Budha atau Animisme dan Dinamisme. Kemudian para pendakwah memasukkan nilai Islami ke dalam kepercayaan tersebut. Kepercayaan pertama masyarakat pulau Lombok ialah kepercayaan Animisme dan Dinamisme (Hindu dan Budha). Tradisi posan ini memang masih dilaksanakan di Dusun Rentang Desa Ganti, Lombok sampai sekarang ini. Kemudian mengenai kajian terdahulu belum ada pengkaji yang telah mengkaji tentang tradisi posan ini, salah satu pengkaji terdahulu yang sama-sama mengkaji tentang Masyarakat Islam Wetu Telu iaitu Zaki Yamani Athhar mengkaji tentang, Kearifan Lokal dalam Ajaran Islam Wetu Telu di Lombok dalam bentuk jurnal, yang hasil kajian mengatakan bahawa, upacara kemasyarakatan komuniti Islam Wetu Telu terdiri dari empat macam upacara, iaitu: Upacara negara, yang mencakup pesta alip, upacara tilawat

(zikiran), upacara ngaji makam ngaturang ngulak kayu, dan upacara wiwitan, Upacara pertanian, yang meliputi memangar dan turun bibit, Upacara desa yang dilakukan setahun sekali atau pada masa adanya wabah penyakit, dan Upacara menurut siklus pentarikan agama yang hubungannya erat dengan penentuan hari baik dan hari buruk. Kesemua upacara tersebut sesungguhnya dihajatkan agar pemeluk Islam Wetu Telu dapat memperoleh berkah dan lindungan Tuhan di samping sebagai wujud syukur kepadanya. Kemudian lokasi kajiannya berada di desa Bayan Lombok Utara dan kajian ini berlokasi di Dusun Rentang Desa Ganti Lombok Tengah. Manakala hasil kajian pengkaji ini mendapati bahawa bentuk posan ini berbentuk persegi empat yang memiliki dua puluh tujuh tiang kayu iaitu empat tiang diatas dan empat tiang dibawah, disamping empat tiang yang diatas terdapat sembilan tiang yang mengelilinginya. Kemudian ada empat puluh tiang kecil disamping empat tiang yang terdapat dibawah dan beratapkan jerami kering. Manakala corak amalan masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang ada dua iaitu corak keagamaan dan corak sosial budaya.

### III. Metodologi kajian

Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan Lapangan yang menggunakan metode analisis kandungan. Kemudian lokasi kajiannya berada di desa Bayan Lombok Utara dan kajian ini berlokasi di Dusun Rentang Desa Ganti Lombok Tengah. Manakala hasil kajian pengkaji ini mendapati bahawa bentuk posan ini berbentuk persegi empat yang memiliki dua puluh tujuh tiang kayu iaitu empat tiang diatas dan empat tiang dibawah, disamping empat tiang yang diatas terdapat sembilan tiang yang mengelilinginya. Kemudian ada empat puluh tiang kecil disamping empat tiang yang terdapat dibawah dan beratapkan jerami kering. Manakala corak amalan masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang ada dua iaitu corak keagamaan dan corak sosial budaya.

### IV. Hasil Kajian

#### A. Bentuk Posan

Posan merupakan tempat untuk menaruh pesaji (hidangan makanan) dan perlengkapan upacara dalam acara sunatan masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang, posan juga tempat di sunatnya anak keluarga yang membuat acara posan tersebut. Posan berbentuk persegi empat, memiliki lima puluh tujuh tiang kayu, empat tiang diatas dan empat tiang dibawah, disamping empat tiang yang diatas terdapat sembilan tiang yang mengelilinginya, kemudian ada empat puluh tiang disamping empat tiang yang terdapat dibawah dan beratapkan jerami yang kering. Manakala pesaji ini ialah bahagian daripada acara posan. Pesaji adalah sejenis persembahan atau hidangan makanan kepada orang yang ikut serta atau hadir dalam acara sunatan dan isi daripada pesaji seperti nasi putih, ayam panggang, sayur, lauk daging lembu atau kambing, jajanan tradisional suku sasak (opak-opak, renggi, jaje tuyaq, jaje peyeq, cerorot, dan lain-lainnya) dan buah pisang. Namun ada juga sesaji disediakan untuk makhluk ghaib pada upacara tersebut dalam penganut kepercayaan Islam Wetu Telu di Dusun Rentang. Kemudian perlengkapan atau syarat posan sudah menjadi kesepakatan bersama yang sudah ada pada zaman nenek moyang mereka dan tidak boleh ditinggalkan, kerana pesaji merupakan sarana utama dalam sebuah upacara adat. Setiap kegiatan upacara keagamaan yang dilakukan oleh masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang mengandungi makna di dalam simbol yang terdapat di dalamnya, baik dari pesaji, doa, masa dan lain sebagainya. Pesaji juga termasuk suatu kemestian yang pasti ada dalam setiap upacara adat adapun syarat daripada posan ialah seperti:

No	Syarat Posan	Maknanya
1	Kebon Udik	Tempat kenyamanan/ketenangan
2	Beras Lase (beras wangi)	Untuk bubus, terdiri dari tiga warna, kuning (simbol pada diri warna sperma), putih (tulang), merah (darah).
3	Lekes (daun sirih) 9 takak tekot	Lekes (cepat), 9 tekot (Sembilan tempat), sirih/sir (suara hati), 9 tekot (usuluddin, fiqh, tasawuf, syariat, tarekat, hakikat, makrifat, zahir dan batin. Bahannya berupa daun sirih, kapur, dan pinang. Biasanya untuk mengunyah sirih ini dimulai dengan melinting daun sirih, kemudian diisi kapur dan pinang. Setelah itu dikunyah secara perlahan seperti makan gula-gula. Mengunyah sirih ini bermakna keakraban. Selain itu, falsafah mengunyah sirih diibaratkan sebuah kulit manusia, membungkus tulang yang putih iaitu kapur dan daging yang diwakili oleh buah pinang. Terlihat merah setelah dikunyah

		yang bermakna darah.
4	Rokok 9 takak tekot	Melambangkan Sembilan wali songo
5	Buah pinang kuning, takak tekot	Daging manusia, simbol persahabatan dan kebersamaan, simbol perdamaian dan kebahagiaan
6	Pokok beringin	Nyaman
7	Pokok kelapa	Badan
8	Pokok pisang	Daging, saraf dan urat
9	Pokok tebu	Tulang
10	Tangga bawah 3 anak tangga	Usul, fikih, tasawuf (Allah, Adam, Muhammad)
11	Tangga pokok tebu 7 anak tangga	Allah SWT telah menciptakan tujuh lapis langit, tujuh lapis tanah, tujuh jumlah syurga, tujuh jumlah neraka dan tujuh jumlah pusingan tawaf.
12	Dua bauh kotak	Tempat menaruh lempot umbaq dan lempot kuning
13	Lempot kuning	Air mani
14	Lempot umbaq	Tulang,
15	Baok	Lolor (isi kepala manusia)
16	Pager/penebeng	Kulit
19	Dulang roah 2X9	Pesaji : hidangan makanan untuk orang yang ikut serta dalam acara zikir pada acara posan, makna dulang rowah ialah menumbuhkan rasa berbagi dan kebersamaan.
20	Dulang roah (9) dulang julu (2)	
21	Dulang roah (11) kerandang (9)	
22	Dulang roah (11) dulang julu (2)	
23	Benang kuning	Warna Air mani bapa
24	Benang hitam	Warna Rambut dan bola mata
25	Benang hijau	Warna Urat
26	Benang merah	Warna Darah
27	Benang biru	Warna Empedu
28	Benang coklat	Warna kulit
30	Benang putih	Warna Tulang dan gigi
31	Benang puduk	Gabungan dari semua benang (manusia)
32	Ayam panggang 125 ekor	Simbol untuk menolak bala
33	Kain kapan 9 untuk sapulantai	simbol daripada bekal kematian setiap orang, pakaian terakhir setiap umat muslim ketika meninggal dunia
36	Daun pokok beringin	Urat saraf
37	Daun bikan	
38	Daun jonjoq	
39	Daun janur (daun kelapa)	
40	Kemenyan	Pewangi, untuk mengharumkan tempat atau ruangan
41	Air	Air selalu mengalir dari tempat yang lebih tinggi ke tempat yang rendah. Tuhan menciptakan air agar manusia boleh mengambil pengajaran daripadanya. Sifat air yang selalu mengalir ke tempat rendah analog dengan sikap rendah hati pada manusia. Air selalu berguna bagi makhluk hidup yang ada di bawahnya. Ibarat pemimpin, air adalah pemimpin yang melayani. Jika ia berada di posisi teratas, maka ia akan menjadi pelayan bagi orang yang memerlukannya di bawahnya. Air identik dengan sumber kehidupan.
42	Beras kuning	Warna Air Mani bapa
43	Bunga kamboja	Bunga ini melambangkan keindahan, pesona, kasih sayang, dan kurnia. Bunga kamboja dengan warna yang indah dan wangi melambangkan keindahan alam. Selain itu juga mewakili kehidupan baru, awal yang baru, atau kelahiran.
44	Bunga Rampai.	Campuran pelbagai jenis bunga dan tidak semua bunga memiliki wangi yang harum, ada juga bunga yang tidak memiliki wangi, begitu juga dalam menjalani kehidupan ini, tidak selamanya mendapatkan kesenangan, adakalanya juga akan tertimpa oleh kesusahan atau masalah. (Warna kehidupan di dunia ini).

45	Kembang kertas.	Keindahan dan kasih sayang
----	-----------------	----------------------------

## I. Tujuan Dan Fungsi Pesaji

Pesaji makanan yang dihidangkan kepada orang yang ikut hadir dalam acara posan tersebut dan untuk roh nenek moyang bertujuan menghormati mereka. Pesaji adalah bahasa simbol yang suci dan keramat menurut pandangan masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang. Sebagai bahasa simbol pesaji juga sebagai media untuk proses ajaran atau kepercayaan nenek moyang. Kehidupan masyarakat di Lombok tidak dapat dipisahkan dengan pelbagai upacara. Para nenek moyang masyarakat di Lombok selalu mengajarkan agar umat menjaga keharmonian hidup, baik dengan Sang Pencipta Allah SWT, mahupun dengan alam dan persekitaran. Pandangan masyarakat tentang pesaji yang terjadi disekitar masyarakat Islam Wetu Telu, khususnya yang terjadi dalam masyarakat yang masih mengandungi adat istiadat yang kuat seperti di Dusun Rentang, pesaji mengandungi makna pemberian sesajian-sesajian sebagai tanda penghormatan dan bentuk rasa syukurnya dalam beribadah kepada Allah SWT, serta rasa syukur terhadap semua yang terjadi di masyarakat. Dalam kehidupan masyarakat Islam Wetu Telu tidak terlepas daripada kehidupan keagamaan yang berkembang sesuai dengan adat istiadat tempatan. Adapun fungsi pesaji dalam upacara keagamaan adalah syarat yang mesti ada dalam tradisi posan dan merupakan wujud dari cetusan hati untuk menyatakan rasa syukur terhadap Allah SWT atas semua anugerahnya seperti anugerah rezeki, anugerah kesihatan dan sedekah kepada sesama makhluk ciptaan Allah seperti, manusia mahupun makhluk ghaib (Amaq Dian: 2019).

## II. Corak Amalan Dalam Masyarakat Islam Wetu Telu Di Dusun Rentang.

Sejarah masyarakat Lombok dahulu adalah para pendatang dari luar yang berideologi Lomboq (lurus) yang senantiasa berupaya untuk menemukan keadaan yang baik dimana satu kebenaran yang paling benar untuk menjadi pedoman kehidupan mereka. Melihat pada adat istiadat yang masih ada seperti tradisi dan budaya, cerita-cerita dan peninggalan yang masih ada, sebelum orang Sasak menganut Islam, mereka adalah penganut Animisme dan Dinamisme. Perkataan Animisme berasal dari bahasa Latin Anima yang bermaksud roh (Caroline Pooney 2001). Animisme adalah suatu kepercayaan terhadap makhluk halus dan roh, serta keyakinan seperti ini sudah banyak dianut oleh bangsa-bangsa yang belum bersentuhan ataupun belum pernah menerima ajaran yang berasaskan daripada agama Islam (wahyu) (Zakiah Daradjat 1996). Adapun bentuk masyarakat yang menganut fahaman ini, antara lain adalah mereka yakin dengan adanya makhluk ghaib dan mengharap terhadapnya contoh untuk penyembuhan penyakit, dalam bercucuk tanam, terhindar dari gangguan hama tanaman, dan hidup rukun dan lain-lain (Alan Barnard & Jonathan Spencer 1996). Inti dari fahaman Animisme ialah mempercayai bahawa setiap benda di bumi seperti laut, gunung, hutan, gua dan kuburan mempunyai jiwa yang mesti dihormati dan dijunjung agar jiwa tersebut tidak mengganggu manusia, bahkan dapat membantu mereka dalam kehidupan untuk menjalankan aktiviti kesehariannya (A.G. Pringgodidgo 1973). Manakala istilah Dinamisme berasal dari bahasa Yunani, iaitu Dinamos. Dalam bahasa Inggeris disebut Dynamic, Maknanya adalah kekuatan, daya, kekuatan atau khasiat. Dalam hal ini, Dinamisme adalah kepercayaan terhadap benda-benda di sekitar manusia kerana diyakini memiliki kekuatan yang ghaib.

Dalam perkara ini, sebahagian masyarakat Lombok yang masih percaya akan benda tertentu yang mempunyai kekuatan yang luar biasa seperti kepercayaan terhadap kekuatan ghaib. Masyarakat Lombok sangat taat dalam menjalankan upacara keagamaan, bahkan sangat fanatik terhadap agamanya. Disebabkan, Islam sudah menjadi darah daging dalam diri masyarakat Lombok. Tujuannya adalah untuk memperoleh kebaikan dan terhindar dari bencana alam. Setelah ajaran Islam masuk ke Pulau Lombok, segala kepercayaan tersebut perlahan-lahan menghilang walaupun masih ada yang percaya dengan kepercayaan Animisme dan Dinamisme, tetapi sudah mula disesuaikan dengan ajaran Islam. Islam Wetu Telu bermula adanya dalam proses para penyebar agama Islam terdahulu yang mengenalkan keislaman kepada masyarakat Lombok secara berperingkat. Namun, mereka meninggalkan Lombok sebelum mereka mengajarkan Islam dengan lengkap. Akibatnya terjadi sinkretisme antara agama Islam dengan Hindu dan Buddha. fahaman tersebut berkembang luas sehingga Islam Wetu Telu mendapat kritikan negatif. Digambarkan bahawa mereka hanya solat tiga waktu, bukan lima waktu seperti yang semestinya. Masyarakat Islam Wetu Telu tetap melaksanakan Rukun Islam dan Rukun Iman, yang menjadi sumber pandangan negatif adalah kerana di samping melaksanakan tradisi Islam, mereka juga menjalankan adat istiadat asli masyarakat Sasak atau tradisi dari nenek moyang. Jadi, istilah Islam Wetu Telu bukan merujuk pada nama kepercayaan tersendiri. Istilah ini merujuk pada falsafah masyarakat Suku Sasak yang percaya bahawa dalam kehidup merangkumi tiga perkara penting seperti masa terdahulu, sekarang masa, hadapan atau kelahiran kehidupan di dunia kematian.

Pedoman hidup umat Islam pada umumnya iaitu al-qur'an dan Hadith, apa yang diperintah dan dilarang oleh Allah dan Rasulnya melalui al-Qur'an dan Hadith maka umat Islam wajib mentaati garis panduan yang sudah ditentukan. Adapun jika ada permasalahan yang tidak ada digariskan dalam al-Qur'an dan Hadith maka umat Islam diboleh untuk menggunakan Ijma' dan Qiyas (Muhammad Anwar 2016). Namun yang terjadi pada masyarakat Lombok khususnya masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang mereka tetap memakai al-Qur'an dan Hadith dan sebuah catatan lama yang bertulisan Aksara Jawa iaitu Lontar Tekepan yang menjadi pedoman hidupnya dalam masyarakat. Oleh itu, mereka mematuhi apa yang sudah diwariskan oleh nenek moyang atau guru mereka melalui para pemangku adat (terpilih berdasarkan keturunan) dan para kiyai yang terpilih berdasarkan wasiat daripada kiyai sebelumnya ataupun keturunan. Ada dua corak amalan dalam masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang desa Ganti iaitu corak keagamaan dan corak sosial budaya. Di bawah ini akan dijelaskan tentang kedua corak di atas.

### III. Corak Keagamaan

#### a. Syahadat

Komuniti masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang mengakui dua kalimat syahadat sebagai rukun Islam pertama. Mereka juga meyakini syahadat sebagai syarat utama untuk masuk kedalam agama Islam, syahadat mereka juga sama seperti syahadat umat muslim pada umumnya (Amaq Dian 2019). Kalimat syahadat tersebut sama dengan yang diyakini oleh umat Islam iaitu syahadat tauhid yang merupakan pengakuan terhadap keesaan Tuhan (Allah) dan syahadat Rasul iaitu pengakuan tentang keberadaan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah. Dua kalimat syahadat yang di lafazkan oleh mereka dalam bahasa Arab sebagai berikut:

أشهد أن لا إله إلا الله و أشهد أن محمدا رسول الله

Maknanya: Saya bersaksi tiada Tuhan selain Allah dan saya bersaksi Nabi Muhammad utusan Allah. Manakala kalimat syahadat tauhid iaitu: Laa Ilaha Illallah (لا إله إلا الله) iaitu seseorang mengakui dengan lisan dan hatinya bahawasanya tidak ada sembah yang berhak kecuali Allah SWT. Manakala kalimat Syahadat Rasul iaitu kalimat kedua di dalam syahadat: makna syahadat وأشهد أن محمدا رسول الله adalah mengikrarkan dengan lisan dan mengimani dengan hati bahawa Nabi Muhammad adalah Rasul Allah kepada seluruh makhluk Jin mahupun manusia.

#### b. Solat

Definisi solat dari bahasa Arab As-sholah. Solat menurut bahasa bermakna doa dan secara istilah, para ahli feqah mengertikan secara lahir dan hakikat. Secara lahiriah solat bererti beberapa ucapan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam, yang dengannya kita beribadah kepada Allah SWT menurut syarat-syarat yang telah ditentukan. Adapun secara hakikatnya ialah berhadapan hati (jiwa) kepada Allah, dengan mendatangkan perasaan takut kepadanya serta menimbulkan di dalam jiwa rasa kebesarannya atau menzahirkan hajat dan keperluan kita kepada Allah SWT yang kita sembah dengan perkataan dan pekerjaan atau kedua-duanya. Pelbagai definisi diatas dapat disimpulkan bahawa solat adalah merupakan ibadah kepada Tuhan, berbentuk perkataan dengan perbuatan yang diawali dengan takbir dan diakhiri dengan salam menurut syarat dan rukun yang telah ditentukan oleh syariat dan tujuan solat dalam agama Islam menempati kedudukan yang tidak dapat ditandingi oleh ibadah manapun juga, ianya merupakan tiang daripada agama dimana ia tidak dapat ditegakkan kecuali dengan solat (H. Sulaiman Rasjid.t.t). Solat yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam Wetu Telu menggunakan pakaian yang khas berupa Dodot atau kain hitam, baju putih, dan sapuk putih (ikat kepala). Selepas itu, mereka berwudhu sebagaimana masyarakat Islam umumnya berwudhu, jumlah rakaatnya sama dengan jumlah rakaat solat pada umumnya. Solat dilaksanakan di sebuah tempat yang bernama kemaliq (sebuah tempat yang dianggap keramat). Menurut Amaq Rumajat mengatakan bahawa Pelaksanaan solat masyarakat Islam Wetu Telu yang awam hanya pada solat jumaat, solat a'idil fitri, a'idil adha dan solat jenazah dan juga di laksanakan pada hari khamis, jumaat dan isnin bagi calon kiyai lengkap dengan rukun solatnya, bagi kiyai mesti melaksanakan solat dengan lengkap. Selepas itu, diteruskan dengan zikir, dengan menggunakan kalimat syahadat (Amaq Rumajat 2019).

#### c. Puasa

Puasa ialah menahan diri dari makan dan minum serta melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa bermula dari terbit fajar sehingga terbenamnya matahari. Hukum puasa terbahagi kepada tiga iaitu Wajib: Puasa pada bulan Ramadhan, Sunat: Puasa pada hari-hari tertentu dan Haram; Puasa pada hari-hari yang dilarang berpuasa. Manakala syarat wajib puasa ialah beragama Islam, baligh (telah mencapai umur dewasa), berakal, sihat, berupaya

untuk mengerjakannya dan tidak musafir (Arie 2009). Rukun Puasa iaitu: Niat mengerjakan puasa pada tiap-tiap malam di bulan Ramadhan (puasa wajib) atau hari yang hendak berpuasa (puasa sunat). Kemudian berniat bermula daripada terbenamnya matahari sehingga terbit fajar. Mesti meninggalkan sesuatu yang boleh membatalkan puasa bermula terbit fajar sehingga masuk matahari. Manakala menurut Amaq Masi mengatakan bahawa, Puasa bulan ramadan yang dilaksanakan oleh masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang hanya pada satu hari pertama pada sepuluh hari pertama, satu hari pada sepuluh hari kedua dan satu hari pada sepuluh hari terakhir pada bulan ramadan ini hanya dilaksanakan masyarakat awam dalam masyarakat Islam Wetu Telu, namun bagi kiyai mesti melaksanakan puasa ramadan dengan lengkap. Untuk berbuka puasa dan sahur, mereka menggunakan Empoq-Empoq (beras yang di goreng tanpa minyak) dan beras kuning. Rukun dan syaratnya sama dengan syarat yang diajarkan oleh syariat Islam, kecuali Mangku atau Kiyai tidak boleh keluar dari Kelamiq (tempat yang keramat) untuk beri'tikaf (Amaq Masi 2019).

#### **d. Zakat**

Zakat ditinjau dari segi bahasa memiliki banyak makna iaitu al-barakatu yang mempunyai makna keberkahan, ath-thaharatu yang memiliki makna kesucian, al-namaa yang mempunyai makna pertumbuhan dan perkembangan. Manakala zakat ditinjau dari segi istilah terdapat banyak ulama yang mengemukakan dengan pandangan yang berbeza-beza. Akan tetapi pada dasarnya mempunyai maksud yang sama iaitu bahawa zakat adalah bahagian dari harta dengan syarat tertentu, yang Allah SWT mewajibkan kepada pemiliknya untuk diserahkan kepada seseorang yang berhak menerimanya, dengan persyaratan tertentu pula (Didin Hafhiduddin 2002). Zakat yang dikeluarkan oleh masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang setiap tahun dari hasil bumi seperti beras, jagung, ubi-ubian dan lain-lain, dengan jumlah 10% dari pendapatan dan penerima zakat mesti mereka yang dianggap tidak mampu untuk memenuhi keperluan seharian (Wirya Supno: 2019).

#### **e. Syarat Menjadi Kiyai Atau Penghulu Adat**

Bila istilah kiyai bermula pada suku Sasak di Pulau Lombok belum jelas. Boleh jadi perkataan kiyai digunakan ketika masuknya agama Islam di Pulau Lombok yang dibawa oleh Sunan Prapen pada abad ke 16. Sunan inilah yang memulai menggunakan istilah kiyai ketika akan meninggalkan Pulau Lombok kembali ke Jawa, dimana tanggungjawab membina agama Islam diserahkan kepada beberapa kiyai. Menurut Wirya Supno tentang Kiyai mengatakan bahawa, dalam suku Sasak kiyai sama dengan guru, imam, iaitu orang yang diangkat kaumnya atau masyarakat, keahlian kiyai dalam ilmu pengetahuan agama tidak terlalu penting asalkan fasih membaca al-Qur'an, pandai baca al-Barzanji dan pandai pula membaca doa (Wirya Supno 2019). Jumlah kiyai lebih banyak dibanding dengan jumlah Tuan Guru. Sebab mereka berada di pondok pesantrennya mahupun di desa dimana ada masjid sudah tentu memiliki seorang Kiyai. Sejak dahulu kiyai selalu dihubungkan dengan kepercayaan Wetu Telu. Pada akhir abad ke 19 di pulau Lombok timbul golongan dalam agama Islam, yang dalam masyarakat mengistilahkan dengan Islam waktu Lima dan Islam Wetu Telu. Penganut Islam waktu lima adalah mereka yang secara berterusan melaksanakan ibadah menurut syariat Islam. kiyai bertugas memimpin segala upacara baik upacara adat mahupun upacara agama. Pandangan masyarakat terhadap kiyai, kiyai adalah pekerjaan yang paling terhormat di kalangan masyarakat di samping Tuan Guru kerana mereka adalah suri tauladan. Kiyai sangat penting bagi kehidupan masyarakat, dialah yang memimpin segala upacara yang berhubungan dengan tiga masa yang dianggap paling penting dalam kehidupan Suku Sasak, tiga masa tersebut adalah waktu kelahiran (akikah), pernikahan (perkahwinan) dan upacara kematian. Dalam tiga masa ini kiyai mesti hadir untuk menjadi pemimpin pembacaan doa.

Dari penjelasan di atas maka, antara kiyai dan tuan guru berbeza peranannya dalam kehidupan suku Sasak. Tuan Guru adalah seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang mendalam, mempunyai pengaruh dalam masyarakat Suku Sasak terutama yang berada di seluruh Pulau Lombok. Kiyai adalah seorang guru, imam yang diangkat secara tradisional oleh kaumnya berdasarkan keturunan walaupun tidak memiliki ilmu pengetahuan agama yang memadai dan dia adalah pemimpin secara tempatan serta pengaruhnya terbatas pada masyarakat atau kaumnya sahaja. Menurut Amaq Masi mengatakan bahawa, di Dusun Rentang terdapat istilah Segi Gantang bermakna syarat dan niat seseorang sebelum sesudah di lantik menjadi seorang kiyai atau mangku dalam masyarakat Islam Wetu Telu. Kemudian keturunan mereka yang menjadi kiyai atau mangku adalah mereka yang keturunannya pernah menjadi mangku masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang dan di akui oleh masyarakat (Amaq Masi 2019).

#### **f. Perisean Dan Nede (Upacara Minta Hujan)**

Lombok merupakan salah satu pulau di Indonesia yang merupakan salah satu bahagian dari wilayah Provinsi Nusa Tenggara Barat. Lombok juga memiliki banyak budaya atau adat yang masih hingga sekarang dilaksanakan salah satunya ialah tradisi dalam bentuk pertarungan atau permainan iaitu tradisi perisean. Perkataan perisean berasal dari perkataan per-isi-an secara falsafah mengandungi makna mengisi ilmu kebatinan atau ilmu spiritual, ilmu kesaktian dan ilmu pertahanan diri khususnya bagi anak lelaki untuk mencari jati diri mencapai kedewasaan menjadi lelaki sejati.

*Manuscript received 06 Januari 2020, revised 06 Januari 2020*

*Copyright © 2019 Tazkia University College of Islamic Economic. - All rights reserved*

Pada zaman dahulu dalam kehidupan masyarakat Suku Sasak ketika mengalami kekeringan atau musim kemarau panjang, tanaman banyak yang mati, haiwan ternak kurus kering banyak penduduk yang kelaparan. Kemudian para tokoh masyarakat mengadakan perisean. Diharapkan bahawa darah yang mengalir keluar daripada kepala para pepadu (pemain) digantikan dengan hujan deras, semakin banyak darah yang mengalir maka diyakini akan semakin deras hujan turun (I Gusti Ayu Armini 2013). Perisean adalah pertarungan yang dilakukan oleh dua orang lelaki Suku Sasak yang bersenjata tongkat yang dibuat dari penjalin (rotan) dan juga ende (perisai) yang umumnya terbuat dari kulit lembu atau kerbau sebagai pelindung. Dalam pertarungannya sendiri, perisean dipimpin oleh tiga wasit iaitu Pekembar Tengah (juri tengah) dan dua Pekembar Sedi (juri pinggir) yang berada di tempat pertarungan. Selama pertarungan berlangsung, masing-masing petarung atau pepadu akan saling menyerang dan bahkan hingga berdarah. Untuk itu para pepadu mesti lincah dalam menepis segala bentuk pukulan daripada lawan (Yustitia 2017). Perisean biasanya dilaksanakan pada musim kemarau sebelum Gotong-royong dimulai biasanya akan dilakukan beberapa upacara yang dipimpin oleh tokoh masyarakat yang biasa disebut mangku (pemimpin adat), biasanya melakukan penyembelihan haiwan korban seperti ayam, kambing atau lembu sebagai bentuk persembahan kepada penguasa alam (Tuhan).

Masyarakat diajak oleh tokoh agama dan tokoh masyarakat untuk memanjatkan doa bersama memohon agar penguasa alam menurunkan hujan supaya hasil pertanian berlimpah. Upacara biasanya diserikan dengan makan bersama di sekitar mata air dengan hidangan yang disiapkan secara khusus dalam sebuah tempat bernama Dulang Beleq (tempat pesaji yang besar), wadah ini terbuat dari lempengan kayu yang memiliki satu kaki berbentuk pilar. Setelah upacara berlangsung dengan menampilkan perisean oleh pepadu (petarung) yang berasal dari desa setempat. Tempat permainan biasanya berukuran kurang lebih 10 m<sup>2</sup>, batas tempat hanya ditandai oleh barisan penonton yang berkumpul. Ketika salah satu Pepadu Bocor (mengeluarkan darah dari kepalanya) penonton akan berteriak aik, aik, aik (air, air, air). Teriakan itu mengandung makna agar Tuhan segera menurunkan air ke bumi. Seiring perkembangan zaman, tradisi perisean mengalami pergeseran nilai, dimana dulu perisean dipakai sebagai alat spiritual masyarakat Sasak untuk memanggil atau meminta hujan mahupun pembuktian ketangkasan. Sekarang ini perisean digunakan sebagai salah satu hiburan dalam kegiatan wisata. Perisean ini dipertunjukkan dalam program besar masyarakat Suku Sasak mahupun pemerintah daerah tempatan yang menampilkan para pepadu-pepadu (pemain) mereka. Perisean juga diiringi dengan muzik tradisional Lombok. Nilai falsafah tradisi perisean dalam sejarahnya, tradisi ini dahulu dilaksanakan untuk melatih keberanian lelaki Suku Sasak dalam melawan para penjajah. Disebutkan juga bahawa perisean adalah bentuk pelampiasan emosional para perajurit Lombok di masa dahulu, selepas menang dalam perang melawan musuh. Perisean juga mengandung nilai patriotik.

Namun Upacara minta hujan dalam masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang adalah upacara Nede. Upacara Nede ialah upacara minta hujan kepada Allah SWT dan dilaksanakan pada masa musim kemarau panjang dan sebelum upacara Nede dilaksanakan biasanya masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang membawa kambing atau ayam untuk disembelih dan tujuannya disembelihnya ayam atau kambing itu untuk dijadikan lauk hidangan makan bersama selepas upacara Nede. Seterusnya menurut Wirya Supno menjelaskan tentang pelaksanaan upacara Nede mengatakan bahawa, diawali dengan pembacaan doa-doa oleh kiyai atau mangku. Kemudian pembahagian sedekah kepada anak yatim dan orang miskin berupa makanan dan ayam bakar yang tadi diletakkan di dulang pesaji. Upacara mesti ada kesenian muzik tradisional suku sasak yang dijadikan sebagai penghibur masyarakat yang ikut serta dalam upacara Nede ini seperti kesenian peraje, dan gendang beleq. Kemudian seluruh rangkaian upacara Nede dan pelaksanaannya dipusatkan di makam Embung Puntiq di desa Sengkerang atau di Kemaliq (tempat yang di keramatkan) (Wirya Supno 2019). Masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang juga tetap melaksanakan tradisi perisean tetapi apabila ada kompetisi yang dibuat oleh pemerintah daerah seperti di pemerintah Kecamatan Praya Timur atau pemerintah daerah Kabupaten Lombok Tengah. Biasanya mereka mendaftarkan pepadu mereka dalam kompetisi tersebut dan biasanya perisean ini dilaksanakan pada bulan ogos dan tarikh pelaksanaan tradisi perisean ini selepas tarikh 17 ogos sekaligus memperingati hari kemerdekaan Negara Kesatuan Republik Indonesia.

## **g. Upacara Kematian Masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang.**

### **1. Belangar**

Masyarakat suku Sasak di Lombok pada umumnya menganut agama Islam sehingga setiap ada orang yang meninggal ada beberapa proses yang mesti dilaksanakan. Pertama yang dilakukan adalah pemberitahuan kepada masyarakat bahawa ada salah seorang dari keluarga masyarakat yang meninggal dunia melalui siren pembesar suara (pengeras suara) masjid atau surau terdekat. Selepas itu masyarakat hadir baik dari desa tersebut atau desa yang lain yang ada hubungan keluarga, kawan, sahabat dan lain-lainnya. Kedatangan masyarakat ke tempat acara kematian tersebut disebut dengan nama Belangar (Melayat). Tradisi belangar bertujuan untuk menghibur keluarga, sahabat yang di tinggalkan oleh keluarganya. Mereka biasanya membawa beras seadanya guna membantu meringankan beban yang terkena musibah (Ayu Anggraini Jafri 2015).

### **2. Memandikan Jenazah**

Memandikan jenazah dalam pelaksanaannya jika yang meninggal dunia lelaki maka yang memandikannya adalah lelaki demikian juga jika yang meninggal dunia perempuan maka yang mesti memandikannya adalah perempuan. Perlakuan pada orang yang meninggal dunia tidak dibezakan meskipun dari segi usia yang meninggal itu baharu berumur sehari. Adapun yang memandikan itu biasanya tokoh agama atau kiyai setempat. Adapun air yang digunakan adalah air sumur. Selepas di mandikan jenazah dibungkus dengan kain kafan. Dalam proses acara kematian masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang desa Ganti. Masyarakat Islam Wetu Telu dan masyarakat Waktu Lima di Lombok dalam prosesi acara kematian hampir sama dan hanya ada pelbagai perbezaan pada perkara tertentu antara lain memandikan mayat di akhiri dengan air yang sudah dicampuri dengan tumbukan Daun Gon (daun bidara) diyakini oleh para nenek moyang mereka boleh memperlambat pembusukan dan bau menyengat pada mayat selain itu Daun Gon (daun bidara) dianggap sebagai sebuah pokok tempatan yang paling tua diantara pokok lainnya. Perbezaan seterusnya Amaq Masi mengatakan bahawa, batu nisan pada umumnya kecil dan digunakan sebagai tanda kubur sang jenazah. Namun pada masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang Desa Ganti, batu nisan bukan sekadar tanda dan lebih daripada itu mereka membuat batu nisan sebagai simbol dakwah, tazkirah dan peringatan bagi yang masih hidup; Seterusnya ukuran dan bentuk corak ukirannya juga nampak berbeza tinggi batu nisan yang biasa pada masyarakat waktu lima adalah satu meter dan ukuran tinggi batu nisan masyarakat Islam Wetu Telu adalah dua meter lebih dengan labarnya 40 hingga 50 cm, ukiran pada batu nisan tersebut antara lain ukiran gambar raksasa berbentuk haiwan naga yang bermakna malaikat penyikas penghuni neraka, ukiran selajutnya iaitu bunga mawar dan maksudnya adalah taman syurga dan yang terakhir ukiran lafaz kalimat Allah dan Muhammad sebagai symbol tauhid ( Amaq Masi 2019).

### 3. Solat Jenazah

Di dalam masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang Desa Ganti Kecamatan Praya Timur Kabupaten Lombok Tengah, apabila ada salah seorang masyarakat yang meninggal dunia mereka akan mengurusnya dengan pelbagai cara iaitu memandikannya, mengkafaninya, menyolatkannya, dan menguburkannya. Di dalam menyolatkan jenazah masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Renteng sama dengan masyarakat Islam secara umumnya. Seperti rukun, syarat mengerjakan solat jenazah dan tata cara solat jenazah. Solat Jenazah adalah jenis solat yang dilakukan untuk jenazah muslim. Setiap muslim yang meninggal baik lelaki mahupun perempuan wajib disolati oleh muslim yang masih hidup. Solat jenazah merupakan salah satu pelaksanaan ibadah solat yang dilakukan umat muslim jika ada muslim lainnya yang meninggal dunia. Hukum melakukan solat jenazah ini adalah fardhu kifayah. Maksudnya apabila sebahagian kaum muslimin telah melaksanakan pengurusan jenazah orang muslim yang meninggal dunia, maka tidak ada lagi kewajiban kaum muslim yang lainnya untuk melaksanakan pengurusan jenazah tersebut (Moh. Rifa'I 1978).

## IV. Corak Sosial Budaya

### a. Gotong-royong

Gotong-royong adalah mengangkat sesuatu secara bersama-sama atau juga diertikan sebagai mengerjakan sesuatu secara bersama-sama. Contohnya mengangkat benda yang berat dan besar dilakukan bersama-sama, dan sebagainya. Jadi, gotong-royong memiliki definisi sebagai bentuk keikutsertaan yang aktif bagi setiap individu untuk ikut serta dalam memberi nilai tambah atau positif kepada setiap objek, permasalahan atau keperluan orang banyak di sekelilingnya. Keikutsertaan tersebut boleh berupa bantuan yang berwujud wang, tenaga fizikal, mental spiritual, keterampilan, sumbangan nasihat. Secara konsep, gotong-royong dapat dimaknakan sebagai suatu model kerja sama yang disepakati bersama. Koentjaraningrat membagi dua jenis gotong-royong yang dikenal oleh masyarakat Indonesia, tolong menolong dan kerja bakti. Kegiatan gotong royong tolong menolong terjadi pada aktiviti pertanian, kegiatan sekitar rumah tangga, kegiatan pesta, kegiatan perayaan dan pada peristiwa bencana atau kematian. Manakala kegiatan gotong royong kerja bakti biasanya dilakukan untuk mengerjakan sesuatu hal yang sifatnya untuk kepentingan umum (Koentjaraningrat 1983). Konsep gotong-royong juga dapat dimaknai dalam keadaan pemberdayaan masyarakat kerana menjadi modal sosial untuk membentuk kekuatan kelembagaan di tingkat komuniti, masyarakat negara serta masyarakat lintas bangsa dan negara Indonesia dalam mewujudkan kesejahteraan (Pranadji, Tri 2009). Dalam sosial budaya, nilai gotong-royong adalah semangat yang diwujudkan dalam bentuk perilaku atau tindakan individu yang dilakukan tanpa pamrih (tanpa mengharap balasan) untuk melakukan sesuatu secara bersamaan demi kepentingan bersama atau individu tertentu. Di dalam masyarakat Suku Sasak atau masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang yang secara majoriti bekerja sebagai petani. Masyarakat Islam Wetu Telu sangat memegang teguh sistem gotong-royong di dalam kehidupannya di masyarakat. Contohnya mereka secara bersama-sama membersihkan saluran pengairan yang menuju sawahnya, masyarakat Islam Wetu Telu juga bergotong royong apabila ada jirannya yang sedang membina rumah dan mereka akan membantunya hingga rumah jirannya selesai; Warga masyarakat Islam Wetu Telu juga bergotong-royong ketika ada masyarakat yang membuat acara sunatan (posan), acara perkahwinan dan sebagainya. Bahkan dalam kegiatan bercocok tanam seperti mengolah tanah hingga memetik hasil (panen) dilakukan secara gotong-royong bergiliran pada pemilik sawah (Wirya Supno: 2019). Budaya gotong-royong adalah cerminan



perilaku yang menjadi ciri khas Suku Sasak atau masyarakat Lombok sejak zaman dahulu. Bagi masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang, gotong-royong tidak hanya bermakna sebagai perilaku, sebagaimana definisi yang dijelaskan sebelumnya. Namun juga berperanan sebagai nilai-nilai moral. Maknanya gotong royong selalu menjadi acuan perilaku, pandangan hidup masyarakat dalam pelbagai macam wujudnya. Sebagaimana diketahui, setiap perilaku yang ditampilkan manusia selalu mengacu kepada nilai-nilai moral yang menjadi acuan hidupnya, pandangan hidupnya. Contohnya manusia selalu mandi kerana merujuk kepada nilai kebersihan. Jadi ketika ada orang berkata tidak mandi tidak apa-apa, itu bermakna yang bersangkutan tidak menjadikan nilai kebersihan sebagai pandangan hidupnya. Penerapan nilai gotong-royong di masyarakat Islam Wetu Telu khususnya di Dusun Rentang sangat kuat dan gotong-royong adalah satu dari moral yang diajarkan oleh agama Islam dan oleh nenek moyang mereka. Di daerah desa masih mudah ditemukan orang gotong royong pada acara sunatan. Selain gotong-royong untuk kepentingan umum masyarakat yang lain dan apabila ada musibah atau bencana. Manakala di daerah bandar, tidak lagi ditemukan orang gotong-royong pada acara sunatan, semuanya dikerjakan oleh seorang pengerusi masjid yang khas dan ada kosnya daripada keluarga yang membuat acara tersebut. Manakala untuk masalah yang menyangkut kepentingan umum, masih boleh ditemukan orang yang gotong-royong di daerah perbandaran. Nilai gotong-royong dalam perilaku masyarakat Islam Wetu Telu menjadikan kesejahteraan hidup masyarakat tempatan boleh terwujud. Mereka bergotong-royong dalam segala hal, dari menjaga keamanan, kebersihan, perlindungan secara umum, memenuhi keperluan akan pakaian, keperluan makanan dan sebagainya (Amaq Dian: 2019).

#### **b. Pakaian yang khas**

Pakaian yang dikenakan para masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang juga memiliki keunikan tersendiri. Satu contoh warna putih yang digunakan para masyarakat Islam Wetu Telu melambangkan kesucian, manakala dodot atau benang panjang berwarna hitam memberi erti, keberanian, ketenangan, keteguhan, dilengkapi dengan sapuq atau (ikat kepala) yang berwarna putih dan juga sudah menjadi tradisi tersendiri dalam adat istiadat masyarakat suku sasak atau masyarakat pulau Lombok. Menurut Wirya Supno tentang hal mengatakan bahawa tidak diperkenankan menggunakan seluar dalam bentuk apapun. Untuk kaum perempuan cukup menggunakan lambung, iaitu baju yang berwarna hitam. Hal tersebut dilakukan kerana dikhawatirkan pakaian yang biasanya digunakan telah kotor oleh pelbagai jenis kotoran (najis) (Wirya Supno 2019).

#### **c. Bubus**

Bubus merupakan penawar atau ubat yang diyakini oleh masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang secara khas dan diyakini oleh semua masyarakat yang ada di Pulau Lombok secara umum dalam proses pembuatan bubus berada diatas kuburan dan dalam pembuatan bubus terdapat mantra yang di baca oleh Belian pada masa pembuatan bubus tersebut, cara pembuatan bubus adalah dengan cara semua peralatan ditumbuk hingga halus. Adapun peralatan atau perlengkapannya untuk membuat bubus iaitu dari bahan rempah-rempah seperti beras lase (beras wangi), daun-daunan, kunyit, adas, merica, sang dan akar-akar daripada pokok yang diambil diatas kubur. Menurut Widiya Wati mengatakan bahawa, upacara pembuatan bubus mesti membawa makanan yang dibawa untuk Belian (orang yang menjadi juru pembuat bubus) dan untuk orang yang ikut serta dalam upacara pembuatan bubus seperti ketupat, tiken, ayam panggang, jajan bantal, jajan tradisional dan buah pisang. Bentuk daripada bubus iaitu ada bubus bundar untuk orang perempuan dan bubus panjang untuk orang lelaki. Contohnya masyarakat Islam Wetu Telu Dusun Rentang sering membuat bubus di makam Embung Puntiq yang berada di Dusun Mondah desa Sengkerang (Widiya Wati 2019). Dalam realitinya masyarakat yang menyakini bubus sebahagi sesuatu yang dapat menyelesaikan persoalan penyakit, bubus menjadi ubat dalam definisi medis dalam masyarakat Suku Sasak di Lombok yang melihat bagaimana keyakinan seseorang terhadap ubat-ubatan yang dapat menyelesaikan persoalan manusia yang sedang sakit sama dengan bagaimana masyarakat Sasak dan masyarakat Islam Wetu Telu percaya bahawa bubus dapat menyelesaikan hal tersebut. Kembali kepada definisi bubus dalam bahasanya bahawa ia merupakan sebuah penawar maka sama tujuannya dengan ubat-ubatan. Namun yang menjadi perbezaan dalam konteks masyarakat yang percaya dengan bubus. Bubus adalah ubat-ubatan khas Suku Sasak yang ada sejak zaman hidupnya nenek moyang mereka dan bagaimana keyakinan seseorang terhadap sesuatu yang dapat dijadikan solusi dari suatu persoalan penyakit. Jika melihat dunia perubatan yang mengistilahkan bahawa kesembuhan seseorang dengan suatu ubat, bergantung saran atau dorongan seseorang berbeza dalam konteks bubus yang lebih kepada suatu keyakinan yang tidak terbatas bahawa bubus tidak hanya tergantung pada keyakinan sahaja namun juga bagaimana seseorang mensucikan bubus (Irawan 2015).

#### **d. Mantra (Sastera Lisan).**

Mantra adalah penghubung antara manusia dengan dunia misteri (Junus 1976). Hal ini menunjukkan bahawa mantra berada pada dua dunia, iaitu dunia manusia dan dunia ghaib. Ia merupakan alat dalam usaha menjemput dunia ghaib boleh untuk (tidak) melakukan sesuatu terhadap manusia (tertentu), manusia yang mengucapkannya (Junus 1981). Jika

dikaitkan dengan kajian ilmu sastra, mantra merupakan salah satu jenis puisi lama yang sekaligus tergolong dalam sastra lisan. Sastra lisan merupakan sastra yang diunggulkan secara turun-temurun dengan menggunakan media lisan. Dengan begitu, keberlanjutan sastra sangat tergantung kepada minat pemilik atau pengguna sastra atau mantra untuk menurunkan atau menyampaikan kembali kepada keturunannya. Selain itu, penyampaian yang menggunakan media lisan. Keberadaan mantra dianggap memiliki kekuatan ajaib sehingga jika kehilangan salah satu kata dikuatirkan akan menghilangkan kekuatannya. Keberadaan ucapan mahupun kata-kata dalam mantra yang masih mempertahankan atau mendekati keasliannya memiliki kemungkinan yang sangat besar bagi kita untuk menemukan kearifan yang dimiliki oleh masyarakat Lombok. Mantra masyarakat Suku Sasak di Lombok yang menggunakan bahasa Sasak sebagai bahasa daerah dalam kehidupan kesehariannya. Adapun jenis-jenis mantra pada masyarakat suku Sasak di Lombok atau di masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang yaitu: senggeger, senteguh, sengasih-asih, sengadang-adang, senjerit, sembungkem, sengkalis, sembalik atau sempalik, semputer, begik dan jejampi.

#### e. **Jeleng Minyak (Membuat Minyak).**

Jeleng minyak adalah proses pengeluaran isi kelapa menjadi minyak ubat yang upacaranya dilakukan secara khas oleh salah seorang yang ahli dalam jeleng minyak dari komuniti masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang dan di anggap suci contohnya mangku atau kiyai, pelaksanaan jeleng minyak hanya boleh di laksanakan pada bulan Rabi'ul Awal di tempat yang di yakini sebagai tempat suci dan di keramatkan. Adapun tujuan jeleng minyak adalah untuk mendapatkan ubat alternatif atau menjadi ubat tradisional dan yang paling penting adalah sebagai azimat ilmu kebal dan penangkal sihir. Masa yang paling bagus menurut keyakinan masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang untuk jeleng minyak iaitu malam jumaat yang tarikhnya angka ganjil seperti satu, tiga, tujuh, sembilan, dan seterusnya pada bulan Rabi'ul Awal. Tradisi jeleng minyak pada masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang merupakan acara tahunan yang wajib di laksanakan untuk memenuhi keperluan sebagai pengobatan alternatif yang setiap waktu mereka perlukan. Proses jeleng minyak juga dikaitkan dengan kekuatan ghaib sehingga begitu istimewa waktu tersebut. Kemudian bahan-bahan yang digunakan untuk mengolah atau untuk membuat minyak jeleng. Menurut Wirya Supno mengatakan bahawa buah kelapa yang sudah tua dan mempunyai banyak sari atau santan. Kedua kualiti atau tempat untuk menggoreng isi kelapa tua yang sudah di ambil sarinya atau santannya, setelah perlengkapannya sudah lengkap, maka dilanjutkan dengan upacara khas seperti pembacaan doa dan tasbih. Kemudian langkah terakhir adalah pengemasan dan penyimpanan (Wirya Supno 2019).

## V. **Penutup**

Bentuk Posan berbentuk persegi empat dalam acara sunatan dalam masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang, terdapat empat puluh bentuk atau syarat seperti yang dijelaskan diatas. Seterusnya tujuan daripada pemberian pesaji ini adalah untuk orang yang ikut serta dalam acara posan dan menjaga atau memelihara tradisi daripada nenek moyang mereka. Pemberian pesaji ini biasanya dilakukan ditempat-tempat yang dianggap keramat dan mempunyai nilai ajaib yang tinggi. Adapun fungsi daripada pesaji dalam upacara sunatan adalah wujud dari rasa syukur kepada Allah SWT atas semua anugerahnya dan sedakah kepada sesama mahluk ciptaan Tuhan seperti, manusia mahupun mahluk yang ghaib, kerana Allah SWT telah memberikan kehidupan kepada semua mahluk ciptaannya baik manusia mahupun yang ghaib dan segala keinginan dalam hidup manusia. Kemudian corak daripada amalan masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang Desa Ganti, ada dua iaitu corak keagamaan dan corak sosial budaya. Corak keagamaan terdiri daripada syahadat, solat, puasa, zakat, syarat menjadi kiyai atau penghulu, Nede (upacara minta hujan), dan upacara kematian masyarakat Islam Wetu Telu di Dusun Rentang. Manakala corak sosial budayanya seperti gotong-royong, pakaian yang khas, bubus, mantra (sastra lisan), dan terakhir jeleng minyak (membuat minyak).

## Rujukan

1. Alan Barnard and Jonathan Spencer. 1996. *Encyclopaedia of Social Cultural Anthropology*, London: Rotledge.
2. A.G. Pringgodigdo (peny.). 1973. *Ensiklopedi Umum Jakarta*: Yayasan Dana Buku Franklin.
3. Arie. 2009. *Pengertian, Syarat dan Rukun Puasa*. <http://risalah.rasul.wordpress.com/2008/09/20/pengertian-syarat-dan-rukun-uasa/>. Diakses [7 May 2019].
4. Ayu Angraini Jafri. 2015. *Upacara Kelahiran dan Kematian Budaya Sasak Lombok* [http://ibdgundarmayu2.blogspot.com/2015/03/upacara-kelahiran-dankematian-budaya\\_28.html](http://ibdgundarmayu2.blogspot.com/2015/03/upacara-kelahiran-dankematian-budaya_28.html). Diakses [10 May 2019].
5. Caroline Pooney. 2001. *African Literature, Animism and Politic*, London: Routledge.
6. Didin Hafhiduddin. 2002. *Zakat dalam Perekonomian Modern*, Jakarta: Gema Insani Press.
7. Husni Thamrin. 2009. *Orang Melayu : Agama, Kekeabatan, Prilaku Ekonomi*, Lpm : Uin Suska Riau.
8. H. Sulaiman Rasjid. *Fiqh Islam*, Sinar Baru Algensindo. t.t.
9. Irawan. 2015. *SASAK; Siapa, Bagaimana, dan Mau Ke Mana?*, Beruqaq Press.
10. I Gusti Ayu Armini, Raj Riana Dyah Prawita Sari dan I Gusti Ayu Agung Sumarhenid. 2013. *Gotong-royong di Lombok Nusa Tenggara Barat*. Yogyakarta: Ombak
11. Junus, Umar. 1976. *Perkembangan Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Koentjaraningrat. 1983. *Ciri-Ciri Kehidupan Masyarakat Pedesaan di Indonesia*. dalam *Sajogyo dan Sajogyo*, Pudjiwati. *Sosiologi Pedesaan*. Jilid 1, Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
13. Moh. Rifa'i. 1978. *Fiqh Islam Lengkap*, Semarang : Karya Toha Putra.
14. Muhammad Anwar: 2016. <http://muhammadanwar844.blogspot.com/2016/06/makalah-islam-wetu-telu.html> . Diakses pada [24 April 2019].
15. Pranadji, Tri. 2009. *Penguatan Kelembagaan Gotong Royong dalam Perspektif Sosio Budaya Bangsa*. Bogor. *Jurnal Forum Penelitian Agro Ekonomi*, IPB. Volume 27 No. 1, Juli 2009.
16. Rumadi. 2007. *Post-Tradisionalisme Islam, Wacana Intelektualisme Dalam Komunitas NU*. Jakarta : Depag RI.
17. Tim Penyusun Kamus Besar Bahasa Indonesia. 1998. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta : Balai Pustaka.
18. Yustitia. 2017. *Melihat Serunya Gotong-royong di Lombok* <http://lombok.panduanwisata.com/wisata-sejarah/ Gotong-royong di Lombok, Akses 2 Oktober 2019>.
19. Zakiah Daradjat. 1996. *Perbandingan Agama I*, Jakarta: Bumi Aksara.

